

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

<b>1.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>STRATEGI PROAKTIF SELAMATKAN MALAYSIA DARIPADA IMPAK FENOMENA ENSO</b>
	<b>SUMBER</b>	<b>BH (1 FEBRUARI 2024)</b>
	<b>BIDANG PERKARA/SUBJEK</b>	<b>ALAM SEKITAR</b>
	<b>MUKA SURAT/RUANGAN</b>	<b>12 (RENCANA)</b>

12
**Rencana**
Sabtu, 1 Februari 2025

# Strategi proaktif selamatkan Malaysia daripada impak fenomena ENSO

- Fenomena El Nino dan La Nina semakin tidak menentu akibat perubahan iklim, meningkatkan risiko kemarau, banjir, jerebu, penyakit dan ketidaktentuan ekonomi di Malaysia
- Malaysia perlu melabur dalam pemantahan iklim, infrastruktur berdaya tahan, pengurusan bencana bersepadu bagi mengurangkan impak bencana



**Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood**  
[jhm@uas.edu.my](mailto:jhm@uas.edu.my)

**Peragab Dewasa di Pusat Keshihatan Planet di Universiti Sains Malaysia**

**Jika anda melalui tahun 1997 hingga 1998, besar kemungkinan anda boleh mengingati fenomena El Nino ketika itu. Antara El Nino paling teruk pernah direkodkan, ia mengakibatkan kemarau, jerebu, tanaman tidak menjadi dan rantaui air.**

Dengan peningkatan suhu dunia, besar kemungkinan fenomena El Nino berintensiti tinggi akan menjadi semakin kerap pada tahun akan datang.

El Nino seperti diketahui ialah kitaran iklim yang terocok apabila permukaan perairan Lautan Pasifik berhampiran garisan Khatulistiwa menjadi lebih panas berbanding biasa, lantas menyebabkan kemarau dan membawa gelombang panas di Asia Tenggara.

Ketika El Nino, musim kemarau berpanjangan akan mengosokkan tabungannya air, menyebabkan tekanan kepada sektor pertanian, menyumbang kepada jerebu melalui bukit-bukit dan memburukkan lagi gelombang haba yang menyebabkan peningkatan dalam risiko penyakit berkaitan haba.

Dengan suhu garis dasar lebih tinggi hari ini, El Nino seperti fenomena berkaitan cuaca lain, mungkin akan menjadi lebih teruk pada masa akan datang.

Fenomena La Nina pula, ia menyejukkan air laut dengan memarah hujan lebat dan angin ke rantau ini. Hujan lebat di kawasan La Nina meningkatkan ketara-kan banjir-banjir dan tanah runtuh.

Dengan perubahan iklim, bencana seperti ini dijangka semakin kerap dan bertepatan tinggi, lantas memusnahkan rumah, infrastruktur dan kelangsungan hidup orang ramai, terutama di luar bandar.

Banjir juga mewujudkan keadaan air bertekang yang boleh meningkatkan penyebaran penyakit bawaan vektor seperti demam denggi dan leptospirosis.

Kedua-dua fenomena ini adalah sebahagian kitaran semula jadi tidak menentu yang berlaku setiap dua atau tujuh tahun dan berputar-putar selama beberapa bulan hingga bertahun.

Kitaran ini dikenali sebagai El Nino Southern Oscillation (ENSO). Namun, impak ENSO termasuk kejadian cuaca ekstrem kini semakin teruk akibat pemanasan global.

Pertubuhan Meteorologi Sedunia baru-baru ini mengumumkan 2024 adalah tahun paling panas dalam rekod.

Kitaran ENSO kini semakin tidak menentu, dengan tempoh masa antara El Nino dan La Nina dijangka lebih pendek lantas mengurangkan masa untuk pemuliharaan.

Kemaru ketika El Nino mengurangkan hasil tanaman dan menyebabkan tekanan kepada sumber air, manakala La Nina mengurangkan kitaran tanaman dan merosakkan hasil tuhan.

**Ancam kecek-kejaman maklumat**

Bersama-sama dengan perubahan iklim, fenomena ini boleh mengancam keselamatan maklumat dan kelangsungan hidup di luar bandar.

Perkara kurang diketahui adalah gelombang haba disebabkan El Nino dan hujan lebat di kawasan juga memberi tekanan kepada sistem keselamatan awam.

Gelombang haba meningkatkan kejadian dehidrasi dan tekanan haba, manakala hujan berlebihan menyebabkan wabak penyakit bawaan air dan vektor.

Akibatnya, kejadian lemas dan tanah runtuh boleh menyebabkan kematian, terutama kepada golongan paling rentan seperti kanak-kanak dan orang tua.

Kepelbagaian biologi Malaysia juga mengalami keretakan sama. El Nino meningkatkan risiko kebakaran hutan, kerosakan habitat dan pelapasan karbon ke atmosfera, manakala La Nina menyebabkan bakisan tanah, kehilangan lutan dan habitat melalui banjir serta tanah runtuh.

Impak kepada ekonomi akibat bencana disebabkan ENSO juga semakin meningkat. Kemaru berpanjangan mejejakkan industri yang bergantung kepada air seperti pertanian dan tenaga hidro, manakala banjir menganggu pengangkutan dan perlagangan.

Kos pemuliharaan sering membabitkan belanjawan negara dengan mengutamakan peruntukan yang asasi untuk pembangunan jangka panjang.

Pada masa akan datang, Malaysia akan menghadapi trend memburukkan apabila impak perubahan iklim dan ENSO bergabung serta saling menguatkan.

Bencana lebat kerap boleh memupukkan sistem tindak balas bencana kita dan menyebabkan komuniti menjadi semakin rentan.

Peningkatan dalam pemuliharaan dilaksanakan banjir, kemaru dan impak berkaitan akan mewujudkan cabaran sosial serta ekonomi jangka panjang kepada negara.

Jadi, apa boleh kita lakukan? Memandangkan perubahan iklim menjadikan kesan El Nino dan La Nina lebih teruk, kita perlu menggunakan strategi adaptasi dan mengutamakan pengurangan risiko.

Pertama, pemantahan iklim yang lebih baik. Dengan memajukan usaha cemerlang oleh Jabatan Meteorologi Malaysia dan pusat meteorologi lainnya ASEAN, kita perlu melabur dalam sistem ramalan cuaca canggih.

Ramalan lebih baik akan membantu pihak berkuasa meramal bencana berkaitan ENSO dan melaksanakan tindak balas berkesan. Kerjasama serantau dengan ASEAN penting untuk perolehan data iklim dan amaran awal.

Kedua, infrastruktur berdaya tahan. Sememula ramalan saintifik menjadi lebih tepat, Malaysia perlu mengukuhkan pertahanan terhadap banjir, menaik taraf sistem penyimpanan air dan melabur dalam tanaman tahan kemaru. Infrastruktur berdaya tahan iklim akan mengurangkan kos pemuliharaan bencana jangka panjang.

Ketiga, pengurusan bencana bersepadu. Walaupun kita menjangka kemajuan signifikan dalam membina kapasiti pengurusan bencana dan mewujudkan lebih banyak institusi, masih terdapat ruang penambahbaikan untuk memastikan kita dapat bertindak balas dan kembali pulih daripada bencana berskala besar yang mungkin berlaku.

Usaha pengurusan bencana perlu diintegrasikan merentas sektor dan kementerian serta antara peringkat Persekutuan, negeri dan tempatan dengan lebih baik.

Pada masa sama, pengurusan bencana tidak seharusnya bergantung sepenuhnya kepada tindakan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADAMA) untuk 'membetulkan kejut' apabila bencana berlaku.

Terdapat keperluan untuk memperluas program kesiapsiagaan beraskan komuniti dan menambah baik mekanisme pemuliharaan selepas bencana.

Kemapat, tindakan iklim. Mitigasi sama penting nya dengan adaptasi. Antara tindakan perlu dipertingkatkan untuk menangani punca perubahan iklim termasuk mengurangkan pelapasan gas rumah hijau, peralihan kepada tenaga boleh diperbaharui dan melindungi ekosistem bertamadun dan sangat rentan.

Perubahan dalam kitaran El Nino dan La Nina kini bukan lagi fenomena semula jadi semata-mata, tetapi sayarat impak manusia semakin meningkat kepada planet.

Malaysia boleh melindungi komuniti dan ekosistem daripada risiko kejadian cuaca ekstrem semakin meningkat dengan melaksanakan strategi proaktif.

Dengan berkuatkuasa denikatan, Malaysia boleh menjadi model daya tahan bagi negara rentan di rantau ini. Tindakan seperti ini adalah penting kepada pembangunan Petan-Tudakan Keshihatan Planet Negara - yang kian hari lebih mendesak untuk dimuktamadkan dan dilaksanakan.



2.	TAJUK	PROSES PENGAMBILAN HUTAN SIMPAN KEKAL PERLU LALUI SIASATAN AWAM
	SUMBER	BH (13 FEBRUARI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	2 (NASIONAL)

# Proses pengambilan hutan simpan kekal perlu lalui siasatan awam

**Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 tambah baik pengurusan HSK di tiga Wilayah Persekutuan**

Oleh Farah Marshita Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pengambilan tanah hutan simpan kekal (HSK) dalam tiga kawasan Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, bagi sebarang tujuan kini perlu melalui proses siasatan awam.

Langkah terbabit perlu dipatuhi susulan Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 [Akta A1667] yang berkuat kuasa mulai semalam.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata penguatkuasaan pindaan Akta A1667 itu dilaksanakan serentak dengan penguatkuasaan Kaedah-kaedah Perhutanan Negara (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2025 [P.U.(A) 50/2025] yang mengandungi peruntukan bagi melaksanakan proses siasatan awam sebelum sesuatu kawasan HSK di Wilayah Persekutuan diwartakan.

Beliau berkata, pindaan undang-undang itu yang sudah mendapat perkenan diraja pada 7

September 2022 dan diwartakan pada 20 September 2022, bertujuan menambah baik pengurusan HSK dalam tiga kawasan Wilayah Persekutuan itu.

"Akta A1667 mengandungi 62 peruntukan membolehkan pindaan dan penambahbaikan termasuk proses pewartaan keluar dan penggantian HSK dengan memperkenankan keperluan siasatan awam sebelum sesuatu kawasan itu diwartakan keluar dan perlu diganti serentak dengan kawasan tanah yang sama luas atau lebih besar.

"Ia turut membolehkan proses pelantikan pegawai perhutanan Persekutuan bagi memeriksa dan menyiasat orang yang disyaki melakukan kesalahan hutan dan mengadakan sekatan jalan ke atas pengangkut yang disyaki melakukan kesalahan hutan.

"Pindaan itu turut merangkumi peningkatan kadar denda dan hukuman ke atas kesalahan hutan iaitu denda maksimum bermula RM20,000 hingga RM5 juta dan hukuman penjara maksimum tujuh hingga 20 tahun serta langkah mengatasi isu kekaburan dan kuasa yang tidak jelas," katanya dalam kenyataan semalam.

Nik Nazmi berkata, siasatan awam dalam akta itu merujuk kepada proses penyelidikan atau kajian yang dilakukan secara terbuka untuk menyiasat isu yang mempunyai kepentingan awam.

Siasatan itu bertujuan mendapatkan fakta, menilai bukti dan menentukan punca sesuatu isu atau insiden, serta mencadangkan tindakan yang perlu diambil untuk mengelakkan perkara serupa daripada berulang.

Antara ciri-ciri utama siasatan



awam ialah berkaitan dijalankan secara terbuka yang mana keputusannya boleh diakses oleh orang ramai, membolehkan isu berkepentingan awam, pembabit saksai pakar dan mereka yang terbabit dalam isu berkaitan dan untuk kenal pasti punca dan mengusulkan kaedah tambah baik.

"Penguatkuasaan P.U.(A) 50/2025 menjadikan Wilayah Persekutuan (JPWP) sebagai negeri kedua yang mempunyai perundangan dan prosedur bagi menjalankan siasatan awam sebelum pewartaan keluar HSK selepas Selangor.

"Kaedah-kaedah ini memperincikan proses kerja di peringkat sebelum, semasa dan selepas siasatan awam dijalankan," katanya.

Beliau berkata, kaedah itu boleh dijadikan rujukan kepada negeri lain yang ketika ini sedang menggubal perundangan subsidi dari masing-masing bagi me-

nguatkuasakan Akta A1667.

"Pada masa ini, keluasan keseluruhan HSK di Wilayah Persekutuan ialah 152.97 hektar yang merangkumi 84,689 hektar HSK di Kuala Lumpur dan 68,281 hektar HSK terletak di Labuan.

"Kementerian melalui Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan (JPWP) sedang berusaha menambah keluasan HSK di Wilayah Persekutuan dengan mewartakan kawasan Bukit Dinding, Mukim Ulu Kelang di Kuala Lumpur seluas 20.05 hektar," katanya.

#### Lindungi kawasan

Nik Nazmi berkata, melalui pewartaan berkenaan, kawasan itu akan dapat dilindungi dan dikembalikan sebagai kawasan hijau selain boleh bertindak sebagai "paru-paru hijau" bagi kawasan di sekitarnya.

"Pewartaan ini juga akan meningkatkan keluasan kawasan

HSK di Wilayah Persekutuan khususnya dan negara amnya, sekali gus menyokong komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada kawasan tanah negara sebagai kawasan liputan hutan dan pokok-pokok.

"Saya percaya bahawa pelaksanaan Akta A1667 dan perundangan subsidi P.U.(A) 50/2025 di Wilayah Persekutuan akan memantapkan pengurusan kawasan HSK dan meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan terhadap khazanah hutan negara yang tidak ternilai," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan dasar baharu itu dijangka dapat mengukuhkan kepercayaan rakyat dan masyarakat antarabangsa terhadap komitmen Kerajaan Persekutuan dan Malaysia dalam menangani isu-isu berkaitan sosial, ekonomi dan pemeliharaan alam sekitar secara berkesanan.

3.	TAJUK	PENDUDUK BANDAR BERTANGGUNGJAWAB LINDUNGI EKOSISTEM
	SUMBER	BH (3 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	2 (NASIONAL)



Semua pihak perlu menjelajng usaha kerajaan mempertahankan keluasan hutan simpan sedia ada untuk menjamin keseimbangan ekosistem di bandar. (Foto: Izzan)

# Penduduk bandar bertanggungjawab lindungi ekosistem

**Pertahan keluasan hutan simpan sedia ada elak jejas alam sekitar**

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
[hnaswz@bh.com.my](mailto:hnaswz@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Penduduk bandar perlu mengambil tanggungjawab bersama dalam memastikan proses siasatan awam bagi urusan pengambilan hutan simpan kekal dipatuhi.

Presiden Persatuan Ekologi Malaysia, Prof Dr Ahmad Ismail, berkata komitmen itu akan menjamin keseimbangan ekosistem di bandar.

Ismail berkata, mereka perlu mempertahankan keluasan hutan simpan sedia ada untuk keseimbangan ekosistem di bandar, sekali gus mengawal kesan buruk seperti penurutan suhu serta ancaman beriskunya bencana alam.

"Kawasan hijau di bandar raya sangat penting terutamanya apabila bercakap mengenai kesan rumah hijau, pemanasan global dan perubahan iklim. Semua undang-undang yang dibuat bagi

Proses pengambilan hutan simpan kekal perlu lalui siasatan awam.



Keratan akhbar BH semalam.

memenuhi keperluan perubahan iklim seperti persetujuan antarabangsa.

"Penduduk bandar mesti mempertahankan keluasan hutan simpan sedia ada untuk keseimbangan ekosistem bandar termasuk kesan suhu dan bencana alam yang mungkin timbul," katanya kepada BH semalam.

Ismail mengulas laporan media semalam memetik Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, bahawa pengambilan tanah hutan simpan kekal dalam kawasan Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, bagi sebarang tujuan kini perlu melalui proses siasatan awam.

Langkah terbabit perlu dipatohi susulan Akta Perhutanan

Negeri (Pindaan) 2022 yang berkuat kuasa mulai kelmarin.

**Sokong konsep kerajaan**

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, program penghijauan bandar seperti kempen menanam 100 juta pokok yang dijayakan kerajaan setiap tahun perlu disokong oleh semua penduduk bandar.

Langkah demikian katanya, akan membantu memulihkan hutan bandar yang kian merosot saiznya, dengan kempen menanam pokok ini, boleh dijayakan dengan bimbingan badan bukan kerajaan (NGO) berkolaborasi serta pautan daripada Jabatan Perhutanan.

"Menjadi tanggungjawab pihak berkuasa melihat isu ini dalam sebarang tindakan yang membabitkan hal berkaitan kawasan hijau di Wilayah Persekutuan.

Hutan simpan kekal di bandar mesti dilindungi dan dipelihara sebaiknya. "Semua pihak mesti merujuk kepada peraturan sedia ada berkaitan keluasan kawasan hijau yang perlu ada bagi kawasan tertentu berkadat dengan pembangunan yang berlaku," katanya.



Ahmad Ismail

4.	TAJUK	TANGANI SEGERA MASALAH PEMBUNGAN SISA HARAM
	SUMBER	BH (6 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	18 (NASIONAL)

# Tangani segera masalah pembuangan sisa haram

CAP gesa pihak berkuasa tempatan ambil tindakan tegas

Oleh Zuhainy Zulkiffli  
bhnews@bh.com.my

**Georgetown:** Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa supaya pihak berkuasa tempatan menguat kuasa undang-undang kecil masing-masing dengan lebih tegas untuk menangani masalah pembuangan sampah haram di negara ini.

Pengasingan sisa di punca, pengurangan janaan sisa, penggunaan semula bahan dan kitar semula bahan dengan selamat boleh diamalkan semua pihak dalam usaha menangani masalah berkenaan.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader, berkata pada masa ini hanya mereka yang sudah diberi lesen boleh menjalani perkhidmatan sisa pepejal, kemudahan pengurusan sisa pepejal atau menjalankan perkhidmatan pembersihan awam.

"Usaha membanteras tapak pelupusan dan pembuangan sampah haram mestilah ditangani dan dihentikan segera memandangkan tanggungjawab bagi memastikan negara ini bersih terletak kepada setiap orang.

"Kempen kesedaran di institusi pendidikan dan masyarakat juga perlu ditingkatkan."



(Fotohiasan)

katanya dalam kenyataan semalam.

**Jejas alam sekitar, kesihatan**  
Mohideen berkata, tapak pembuangan sampah haram mendedahkan kesan negatif kepada alam sekitar, kesihatan dan

masyarakat memandangkan air larut resap yang terhasil daripada sisa sampah itu boleh menjejaskan sistem saliran yang berhampiran.

Katanya, kebanyakan kawasan tapak pelupusan haram itu juga banyak dipenuhi dengan

sisa sampah yang terdiri daripada plastik sehingga menjadi masalah kepada alam sekitar.

"Bahaya plastik kepada alam sekitar dan kesihatan manusia amat ketara, malah plastik kini terdapat di semua sistem air.

"Plastik dalam bentuk lengkap menimbulkan ancaman besar kepada kehidupan marin dan dalam bentuk pecahan (iaitu mikroplastik dan nanoplastik), memasuki rantaian makanan, akhirnya berkumpul di dalam badan manusia.

"Apabila dibakar, plastik melepaskan pencemar organik yang berkekalan, pelbagai pelepasan gas toksik dan gas rumah hijau," katanya.

**Usaha membanteras tapak pelupusan dan pembuangan sampah haram mestilah ditangani dan dihentikan segera memandangkan tanggungjawab bagi memastikan negara ini bersih terletak kepada setiap orang**



Mohideen Abdul Kader,  
Presiden CAP

5.	TAJUK	KILANG DISYAKI SEBABKAN SUNGAI KABUL JADI BIRU DISITA
	SUMBER	BH (7 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (NASIONAL)

# Kilang disyaki menyebabkan Sungai Kabul jadi biru disita

**LUAS buka kertas siasatan kesalahan cemar sumber air**

Oleh Ruwaida Md Zain  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Sebuah premis yang dipercayai menjadi punca pencemaran berwarna biru di Sungai Kabul, dekat sini diarahkan henti operasi serta-merta dan disita.

EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar, Jamaliah Jamaluddin, berkata pihaknya mendapati aliran air berwarna biru yang dikesan di paip tanpa kebenaran berjaya ditutup oleh Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) tengah hari kelmarin.

Sebaik mendapat maklumat, beliau berkata, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) segera ke tempat berkenaan dan mendapati aliran air berwarna itu melimpah masuk ke longkang berhampiran sambungan haram berkenaan.

"Pasukan LUAS segera meletakkan empat beg *activated carbon* di kawasan longkang terbabit sebagai langkah kawalan dan pencegahan.

"Pasukan LUAS menjalankan siasatan lanjut ke Kawasan Perindustrian Mahkota, Beranang dan menemukan sebuah alur lurang kumbahan utama yang terdapat kesan aliran air berwarna biru berdekatan Loji Rawatan Kumbahan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK).

"LUAS turut menyelaraskan

Pasukan LUAS segera meletakkan empat beg 'activated carbon' di kawasan longkang terbabit sebagai langkah kawalan dan pencegahan

**Jamaliah Jamaluddin,**  
EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar



tindakan bersepadu bersama pihak IWK, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan MPKJ untuk mengenal pasti punca aliran air berwarna di lurang kumbahan terbabit," katanya dalam kenyataan semalam.

## Temui sisa pewarna

Jamaliah berkata, siasatan bersama agensi berkenaan menemukan beberapa bekas mengandungi sisa pewarna dipercayai dakwat pencetak di kawasan sebuah premis yang menjalankan perniagaan pembuatan mencetak kotak.

"Siasatan juga menemukan di dalam premis yang disyaki itu kesan basuhan berwarna sama seperti dalam lurang kumbahan di tandas utama premis berkenaan.

"Pasukan LUAS melaksanakan semakan dan mendapati



Air Sungai Kabul didakwa bertukar biru kerana dicemari dakwat dari sebuah kilang di Beranang.

(Foto ihsan LUAS)

aliran air berwarna biru yang ditemukan di paip sambungan haram dan lurang kumbahan berkaitan daripada bahan pencemar yang sama.

"MPKJ dan JAS mengarahkan premis terbabit menghentikan operasi serta-merta dan menyita premis berkenaan," katanya.

Susulan itu katanya, LUAS membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 79(4) Enakmen LUAS 1999 atas kesalahan mencemarkan sumber air.

"Seterusnya LUAS menyelaraskan tindakan lanjut dengan memanjangkan semua penemu-

an itu kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk tindakan lanjut di bawah bidang kuasa agensi.

"Selain itu, tindakan pemantauan susulan turut dilaksanakan oleh LUAS agar kejadian seumpama ini tidak berulang di masa-masa akan datang.

"Penemuan punca pencemaran air berwarna ini berjaya mengelakkan risiko masalah kepada Sungai Kabul dan seterusnya gangguan kepada Loji Rawatan Air Sungai Semenyih yang terletak pada jarak 16.3 kilometer daripada tempat ini," katanya.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi  
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor**